

Kesungguhan UMS sediakan suasana pembelajaran kondusif dipuji graduan OKU

KOTA KINABALU: Kesungguhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada pelajarannya mendorong seorang graduan OKU menyambung pengajiannya di peringkat ijazah sarjana di universiti itu.

Teoh Jia Long, 23, yang menerima ijazah sarjana muda kelas pertama dalam jurusan psikologi kanak-kanak dan keluarga, berkata pihak universiti tidak pernah mengabaikan pelajarannya sama ada pelajar normal mahupun OKU.

“Saya mengakui mempunyai kesukaran untuk menyesuaikan diri di sini (UMS) pada awalnya dan pada minggu pertama saya berasa takut.

“Tetapi bersyukur pihak UMS sentiasa berusaha agar pelajar OKU seperti saya dapat serasi dengan suasana di sini,” katanya ketika ditemui pemberita pada hari kedua Majlis Konvokesyen UMS Ke-18 di sini kelmarin.

Teoh, yang mempunyai masalah penglihatan kerana menghidap penyakit glaukoma sejak lahir, mengaku tidak mempunyai rahsia dalam pembelajaran.

“Saya sentiasa mengingatkan diri saya supaya fokus kepada arah tujuan saya dalam hidup untuk membantu masyarakat membina keluarga yang baik,” kata graduan itu yang petah berbahasa dalam loghat Sabah.

Teoh, yang berasal dari Tanjung Tokong, Pulau Pinang berkata beliau sentiasa berpegang kepada sikap “bermurah hati dalam kemenangan, berbudi dalam kekalahan.”

Teoh turut diberi penghormatan sebagai pelajar OKU pertama dalam sejarah penubuhan UMS untuk berucap sebagai wakil graduan pada majlis konvokesyen kali ini di pentas utama Dewan Canselor UMS disaksikan Pro-Canselor Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay, yang juga Pengurus YTL Corporation.

Sambil menyentuh huruf Braille dalam teks ucapannya, Teoh mengajak graduan supaya terus inovatif dalam mencari ilmu baharu bagi menggilap pengetahuan yang dipelajari ketika di universiti.

Beliau turut berterima kasih kepada UMS kerana memberi peluang kepada OKU sepertinya untuk menimba ilmu dan bersaing dengan pelajar lain. - Bernama

Masidi

